

'TABIAT BOROS, KURANG
PINTAR PUNCA UTAMA'

213

Mahathir beri dua sebab Melayu gagal berniaga

23 APR 1977

KUALA LUMPUR, Jumaat — (Dr. Mahathir Mohamad berkata malam ini, tabiat boros dan kurang kepintaran adalah dua sebab besar yang menyebabkan Bumiputera gagal dalam perniagaan.

"Kita tahu betapa boros peniaga Bumiputera. Belum apa lagi, perbelanjaan yang tinggi dihabiskan untuk berbagai perhiasan dan kemudahan," kata beliau ketika berucap di satu majlis makan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan di sebuah hotel terkemuka di sini malam ini.

Tambah beliau, "Ada yang berkata itu perlu dibuat untuk meyakinkan pelanggan. Benarkah? Atau pun lain perasaan yang mendorong lagi ini."

Begitu juga dalam hal kekurangan kepintaran dikalangan peniaga Bumiputera.

"Oleh kerana takut kemarahan, tidak ada yang mahu menegur. Dengan itu masalah kurang kepintaran ini tidak diberi perhatian dan kesannya ialah tidak ada percubaan untuk mengatasinya, akhirnya lebih banyak lagi kegagalan," katanya.

Dikecam

Kata Dr. Mahathir, beliau tahu kenyataannya itu akan dikedah hebat. "Tetapi biarlah saya tidak popular."

Beliau berkata, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah menubuhkan berbagai agensi untuk mengkaji semula. Menilai dan mengubahsuai kan dasar-dasar Kerajaan bagi menentukan menjelang tahun 1990, 30 peratus dari kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam ekono-

mi negara ini hendaklah dikuasai dan dikendalikan oleh orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera yang lain.

"Bagaimanapun, kita tidak dapat nafikan walaupun semua kemudahan dan bantuan sudah diberi, serta persaingan dihalang, masih ramai dari peniaga Bumiputera yang gagal.

Menegur

"Sungguhpun ramai yang menyangkal, dan pendedahan perkara ini tidak popular, hakikat-

nya ialah banyak kegagalan peniaga dan pengusahanya Bumiputera disebabkan oleh mereka sendiri. Hakikat ini perlu diakui kerana jika tidak diakui usaha pemuliharaan tidak dapat dilakukan.

Beliau kemudian berharap satu usaha bersama membetulkan mana yang tidak betul kerana katanya tidak ada gunanya jika satu pihak saja yang membetulkan diri." Tidak ada kesan kalau bertepuk sebelah tangan."